SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2013 Pengajian Perniagaan Penggal 1

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Arahan : Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B

Bahagian A : Soalan Esei

1 (a) Berikan pendapat anda mengenai kelemahan firma yang menjana keuntungan terlalu besar atau terlalu kecil. [4]

(b) Bincangkan kesan sumber terhad keatas perniagaan . [6]

(c) Berikan perbandingan antara penambahbaikan perniagaan dengan merekayasa perniagaan.[4]

(d) Apakah maksud sistem pembuatan Luwes dan berikan kebaikannya[6]

(e) Terangkan empat pemboleh ubah yang terdapat dalam campuran pemasaran.[4]

(f) Bincangkan satu model komunikasi yang berkesan yag boleh digunakan dalam promosi jualan.[6]

(g) Apakah ciri-ciri produk baru yang mempengaruhi kesediaan seseorang pengguna untuk menerima produk tersebut.[5]

(h) Nyatakan prinsip-prinsip penting yang terdapat dalam insuran.[5]

(i) Apakah perbezaan antara pinjaman dan bon.[4]

(j) Jelaskan proses perancangan sumber manusia untuk mengambil pekerja di pasar raya.[6]

Bahagian B

2 (a) (i) Toyota Motor Corporation berpangkalan di Tokyo telah membuat keputusan memanggil semula lebih 7.4 juta unit kenderaan di seluruh dunia. Syarikat Toyota Motor Corporation telah membuat kenyataan memanggil semula 2.47 juta unit kenderaan di Amerika Syarikat, 1.4 juta unit di China dan 1.39 juta unit di Eropah. Selain itu, menurut Jurucakap Toyota, Shino Yamada juga memanggil semula 650 000 unit kenderaan di Autralian dan Asia, 490 000 unit di Asia Barat dan Asia Tengah, 240 000 unit di Kanada dan 330 000 unit di lokasi lain. Kenderaan yang terbabit melibatkan daripada dalam Jepun sendiri, iaitu sebanyak 459 300 unit kenderaan yang dikeluarkan sekitar tahun 2006 hingga 2008 termasuklah model Vitz.Manakala di luar Jepun kenderaan yang terbabit termasuklah varian Vitz, Yaris, Corolla, Vios, Matrix, Auris, Camry RAVA4, Highlander, Tundra, Sequoia, Xb yang dieluarkan antara tahun 2005 hingga 2010. Pemanggilan semula kenderaan ini disebabkan kerosakan suis tingkap kuasa.

Toyota Motor Corporation mengalami kemerosotan jualan di China sebanyak 48.9% pada bulan September tahun 2012 berbanding dengan tahun lepas. Jualan kenderaannya terjejas teruk disebabkan timbul sentimen anti-Jepun di China disebabkan pengeseran berhubung perebutan hak kedaulatan ke atas kepulauan di Laut China Timur. Faktor kerosakan suis tingkap kuasa di bahagian pemandu tidak disapu gris dengan rata telah menyebabkan berlakunya geseran dalam kotak sehingga mengeluarkan asap. Hal ini berlaku disebabkan Toyota terlalu bersemangat mengejar sasaran pertumbuhan.

Reputasi Toyota Motor Corporation terjejas menyebabkan saham Toyota turun 1.90% dan indeks Nikkei jatuh 1.98% pada 10 Oktober 2012. Sebelum itu Toyota pernah membuat beberapa siri panggilan semula yang membabitkan 14 juta unit kenderaan sebagai tindakan mengembalikan semula reputasi yang terjejas. Toyota sebelum ini amat terkenal dengan mutu kualiti yang tertinggi yang diperoleh melalui kaedah pengeluaran yang tersusun dengan membabitkan peranan semua pekerja dalam kawalan kualiti.

(Sumber : Disesuaikan daripada REUTERS dalam BH *Bisnes* B9, 11 Oktober 2012)

2 (a) (i) Jelaskan kepentingan kawalan kualiti bagi syarikat Toyota Motor Corporation[12m]

(ii) jelaskan maksud kawalan kualiti dan Terangkan Proses kawalan kualiti yang dibuat oleh Toyota Motor Corporation. (13m)

(iii) Huraikan objektif kawalan kualiti yang membolehkan Toyota Motor Corporation mencapai sasaran pengeluaran dan penjualan yang diingini.(10m)

2 (b) Kunci Kira-Kira Syarikat Ros Mawar,Pada 31 hb Disember 2011

Tahun	**2011**
Aset Semasa	
Tunai	35 538
Akaun Belum Terima	139 807
Inventori	272 833
Jumlah aset semasa	**448 178**
Aset Tetap	
Loji dan Alatan	319 377
Tolak :susut Nilai Terkumpul	171 366
Loji dan alatan bersih	148 011
Pelaburan jangka panjang	13 075
Lain-lain aset	41 031

JUMLAH ASET	**650 295**
Liabiliti Semasa	
Akaun Belum Bayar	29 685
Overdraf Bank	89 702
Akruan	45 428
Jumlah liabiti semasa	**164 815**
Pinjaman jangka panjang	126 157
Jumlah liabiliti	**290 972**
Ekuiti pemilik	
Saham biasa, nilai par RM 1.00	84 166
Modal dibayar	72 232
Pendapatan Tertahan	202 927
Jumlah Ekuiti Pemilik	359 324
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	**650 296**

Penyata Pendapatan bagi Syarikat Ros Mawar,Pada 31 hb Disember

Tahun	**2011**
Jualan	798 552
Kos Barang Dijual	536 060
Belanja Lain-lain	160 279
Susut Nilai	22 302
Pendapatan Sebelum Faedah dan Cukai (PBFC)	79 991
Belanja Faedah	17 055
Pendapatan Sebelum Cukai	62 856
Cukai	32 742
Pendapatan Bersih (PB)	30 115
Dividen	18 460
Pendapatan ditambah ke Pendapatan Tertahan	11 655

b) i) Dengan menggunakan rajah kunci kira-kira dan Penyata Pendapatan Syarikat RosMawar, kirakan nisbah-nisbah kewangan untuk Syarikat Tersebut(15m)

SOALAN TAMAT

Cadangan Skema PENGAJIAN PERNIAGAAN – PENGGAL 1 2013

1 (a)) Berikan pendapat anda mengenai kelemahan firma yang menjana keuntungan terlalu besar atau terlalu kecil. [4]

Skema

Terlalu mementingkan keuntungan dan tidak menghiraukan kepentingan pihak-pihak lain yang berkepentingan . Akibat :

1. Kemungkinan besar tidak dapat beroperasi dengan baik,menjejas jualan dan keuntungan, menjejaskan imej dan reputasi organisasi
2. Menggunakan bahan mentah yang bermutu rendah semata-mata untuk mengurangkan kos pembuatan
3. Pengguna akan menyisih diri dari menggunakan produknya dan membeli produk pesaing yang lebih baik mutunya
4. Syarikat membayar gaji yang lebih murah dan tidak setanding dengan syarikat lain kepada pekerjanya
5. Produktiviti dan kualiti barangannya menurun. Jika produtiviti menurun maka kos barangannya akan meningkat
6. mengabaikan tanggungjawab sosial

Mana-mana 4H X 1m= 4M

(b) Bincangkan kesan sumber terhad keatas perniagaan . [4]

1. Faktor mengeluaran yang diperlukan tidak dapat diperolehi dengan mencukupi , ini akan menghad keupayaan firma (1M)
2. Syarikat memerlukan sejumlah modal yang besar untuk mengembang perniagaan,ttp keupayaan pemodal adalah terhad, firma terpaksa menangguh dahulu rancangan pembesaran firma. sekiranya firma beradap pada tahap risiko yang tinggi, maka kemungkinan besar agak sukar untuk mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan tersebut(1M)
3. Sumber tenaga manusia adalah faktor yang penting. Sekiranya firma memerlukan kemahiran tertentu utk melaksanakan projek,ttp jika tidak mempunyai kemahiran tersebut kemungkinan besar tidak dapat melaksanakan projek dengan berkesan dan ini akan memberi cabaran kepada pihak pengurusan (1m)
4. Dalam pengurusan sumber manusia,aspek kepimpinan juga menjadi faktor penting, sekiranya firma tidak mempunyai kepimpinan yang progresif dan profesional maka sukar firma tertsebut untuk dapat berkembang dengan lancar dan berkesan dan juga utk bersaing dengan firma-firma lain.(1M)

1Mx 4=4M

(c) Berikan perbandingan antara penambahbaikan perniagaan dengan merekayasa perniagaan.[6]

Skema:

Dimensi	Penambahbaikan Perniagaan	Merekayasa Perniagaan
Definisi	Penambahbaikan dalam proses sedia ada(1M)	Mereka bentuk semula keseluruhan proses perniagaan(1M)
Sasaran	Apa jua Proses(1M)	Strategi proses perniagaan(1M)
Keboehan Utama	Teknologi maklumat dan meringkaskan tugasan(1m)	Teknologi maklumat dan mereka bentuk organisasi(1M)
Perubahan	Kerja yang sama, lebih efisien(1m)	Teknologi kerja yang lebih besar, kerja baru, mereka bentuk kerja utama.(1m)
Risiko kegagalan dan aras gangguan	Rendah(1m)	Tinggi(1m)

Mana-mana 3H x 2= 6M

(d)

Maksud Pembuatan luwes

Satu sistem pengeluaran / mesin yang boleh mengeluarkan pelbagai produk dengan cepat [1]

Kebaikannya mana-mana 3H x 1M= 3M

1. Tidak memerlukan ramai pekerja maka dapat mengurangkan kos buruh

BAHAGIAN B
SKEMA

2 (a) (i) jelaskan kepentingan kawalan kualiti bagi syarikat Toyota Motor Corporation (12m)

1. Mengelakkan liability produk terhadap pengguna
   - Toyota turun 1.90% disebabkan oleh pelabur tidak begitu yakin dengan Toyota kerana terjejasnya reputasi syrt tersebut di kalangan pengguna kereta.(1m)
   - Akibatnya pelabur menjual modal saham dan bakal pelabur merasa bimbang untuk melabur.(1m)

2. Meningkatkan keyakinan dan kepuasan pelanggan
   - Toyota Motor Corporation berpangkalan di Tokyo telah membuat keputusan memanggil semula lebih 7.4 juta unit kenderaan di seluruh dunia
   - Memulihkan hubungan perdagangan dengan Negara china

3. Membentuk imej perniagaan yang baik
   - Memanggil semula produk yang telah dikeluarkan
   - Mengekalkan reputasi Toyota sebelum ini yang amat terkenal dengan mutu kualiti yang tertinggi yang diperoleh melalui kaedah pengeluaran yang tersusun dengan membabitkan peranan semua pekerja dalam kawalan kualiti.

4. Mengurangkan kos pengeluaran
   - Mengelakkan pembaziran kos memanggil semula lebih 7.4 juta unit kenderaan di seluruh dunia pengeluaran
   - Dengan Mengawal kualiti pengeluaran Toyota dapat mengurangkan kos pengeluaran.

(1F=1M 1H=1M 1F=2HX4=12M)

(ii) jelaskan maksud kawalan kualiti dan Terangkan Proses kawalan kualiti yang dibuat oleh Toyota Motor Corporation. (13M)

jawapan

Maksud kawalan kualiti (1M)

Proses memeriksa produk yang dihasilkan bagi memastikan kualiti produk menepati standard atau piawaian yang ditetapkan.(1m)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar